

Kes Khas Yang Dinyatakan Di Bawah Seksyen 84 Akta Kehakiman Mahkamah 1964

DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
KES KHAS NO.: /2010

ANTARA

1. **ZAINA ABDIN BIN HAMID @ S.MANIAM**
2. **SURINDIRAN A/L ZAINA ABDIN**
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)
3. **MOHANASUBASH A/L ZAINA ABDIN**
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)
4. **CHANDRIKA A/P ZAINA ABDIN**
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)

PERAYU-PERAYU

DAN

1. **KERAJAAN MALAYSIA**
2. **KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
3. **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
4. **MAJLIS PERUNDINGAN MALAYSIA UGAMA BUDDHA, KRISTIAN, HINDU DAN SIKH**

RESPONDEN-RESPONDEN

(Dalam perkara Saman Pemula No. MT4-21-31-2002
di dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam

ANTARA

1. Zaina Abdin Bin Hamid @ S.Maniam
2. Surindiran A/L Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama sebagai ayah dan sahabat wakilnya)
3. Mohanasubash A/L Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama sebagai ayah dan sahabat wakilnya)
4. Chandrika A/P Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama sebagai ayah dan sahabat wakilnya)

PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

1. Kerajaan Malaysia
2. Kerajaan Negeri Selangor
3. Majlis Agama Islam Selangor
4. Majlis Perundingan Malaysia Ugama Buddha, Kristian, Hindu Dan Sikh

DEFENDAN-DEFENDAN

yang diputuskan pada 27 haribulan September 2010)

KES KHAS YANG DINYATAKAN DI BAWAH SEKSYEN 84 AKTA KEHAKIMAN
MAHKAMAH 1964

Saya, Yang Arif Hakim Datuk Nurchaya Haji Arshad, mengikut seksyen 84 Akta Kehakiman Mahkamah 1964 dengan ini mengakui bahawa kes berikut merupakan satu kes khas yang harus dihantar ke Mahkamah Persekutuan mengikut kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan.

- A. Perayu Pertama merupakan seorang warganegara Malaysia yang berbangsa India, yang telah dilahirkan kepada ibubapa yang turut merupakan warganegara Malaysia yang berbangsa India tetapi ditunjukkan di dalam dokumen-dokumen identiti mereka sebagai Muslim. Perayu Pertama menyatakan bahawa ketika tahun-tahun pembentukannya, ibubapanya telah mengikut cara hidup Hindu dan dia telah dibesarkan sebagai seorang Hindu.
- B. Perayu Pertama melalui satu suratikatan pol bertarikh 16.03.1973 (diwartakan oleh *G.N. No. 1686 of 1973* bertarikh 24 Mei 1973) telah mengambil satu nama, Hindu, baru.
- C. Perayu Pertama merupakan bapa sebenar dan sah kepada Perayu Ke2 sehingga Ke4, di mana ketika Saman Pemula difaikkan kesemua yang mereka tersebut berada di bawah umur majoriti. Perkahwinan Perayu Pertama kepada isteri Hindunya, ibu kepada Perayu Ke2 sehingga Ke4, telah didaftarkan di bawah Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

- D. Responden Pertama sehingga Ke3 (Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor) mempertikaikan permohonan ini.
- E. Mereka menegaskan bahawa undang-undang Islam yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri Selangor (dan undang-undang Negeri yang lain berkenaan undang-undang Islam di Negeri-Negeri lain di Malaysia, di mana kesemuanya adalah *in pari materia*) adalah masih terpakai kepada Perayu-Perayu kerana Perayu-Perayu masih belum lagi mendapat perintah daripada mahkamah Syariah memberikan mereka izin untuk "keluar" daripada Islam.
- F. Satu permohonan oleh Responden-Responden untuk membatalkan Saman Pemula di bawah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 sebagai satu penyalahgunaan proses Mahkamah kerana perkara yang dibangkitkan di dalam ini berada di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan Malaysia pada 25 Jun 2009 di dalam Rayuan Sivil No. B-01-90-2004 dengan tindakan tersebut dihantar balik ke Mahkamah ini untuk pemutusan terhadap merit.
- G. Saman Pemula dan dokumen-dokumen relevan yang lain dinyatakan di dalam Rekod yang dilampirkan di dalam ini.

Saya dengan ini memperakui soalan-soalan undang-undang yang berikut untuk pemutusan oleh Mahkamah Persekutuan mengikut seksyen 84 Akta Kehakiman Mahkamah 1964 untuk membantu saya di dalam memutuskan Saman Pemula:

1. Adakah perenggan-perenggan berikut yang mengandungi takrif "orang Islam" di seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 tidak konsisten dengan Perkara 11 (dibaca bersama Perkara 3, 5, 8, 153 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9) Perlembagaan Persekutuan:
 - 1.1. perenggan (b), (c), (e) dan (f)¹, dan
 - 1.2. perenggan (d) dibaca bersama seksyen 113²?
2. Adakah ibubapa seorang anak di bawah umur 18 tahun mempunyai hak untuk menetapkan agama anak itu untuk kesemua tujuan am dan peribadi mengikut Perkara 11 dan 12(4) Perlembagaan Persekutuan?
3. Adakah pemakaian undang-undang Islam ke atas seorang yang memprofes dirinya sebagai seorang Hindu tetapi dianggap sebagai seorang Islam di bawah undang-undang Islam tidak konsisten dengan Perkara 11 (dibaca bersama Perkara 3, 5, 8, 153 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9) Perlembagaan Persekutuan?
4. Adakah syarat bahawa seorang perlu mendapatkan pengisytiharan daripada Majlis Agama Islam atau Mahkamah Syariah yang dia bukan lagi "orang Islam" dahulu


¹ Perenggan (b) menyatakan bahawa seseorang itu adalah orang Islam sekiranya salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya, pada masa kelahiran orang itu, ialah orang Islam, Perenggan (c) menyatakan bahawa seseorang itu adalah orang Islam sekiranya dia dibesarkan atas asas bahawa dia orang Islam, Perenggan (e) menyatakan bahawa seseorang itu adalah orang Islam sekiranya dia lazimnya dikenali sebagai orang Islam dan Perenggan (f) menyatakan bahawa seseorang itu adalah orang Islam sekiranya dia telah menyatakan dalam hal keadaan apabila dia terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, bahawa dia ialah orang Islam.

² Perenggan (d) menyatakan bahawa seseorang itu adalah orang Islam sekiranya dia telah memeluk agama Islam, dan s 113 menyatakan bahawa setelah dia telah memeluk agama Islam, dia akan diperlakukan sebagai orang Islam untuk setiap masa

sebelum dia diiktiraf oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sebagai seorang yang tidak memprofes Islam sebagai agamanya menjadikan hak-haknya di bawah Perkara 11 (dibaca bersama Perkara 5, 8, 153 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9) Perlembagaan Persekutuan maya dan oleh itu mengingkari perlembagaan?

5. Adakah peraturan 14(2)³ *Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990* tidak konsisten dengan Perkara 11 (dibaca bersama Perkara 3, 5, 8, 153 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9) Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu mengingkari perlembagaan?

Bertarikh pada 6 haribulan Oktober 2010



Yang Arif Hakim Datuk Nurchaya
Haji Arshad
Hakim Mahkamah Tinggi Melaya

Kes Khas Yang dinyatakan di bawah Seksyen 84 Akta Kehakiman Mahkamah 1964 ini difailkan bagi pihak Perayu-Perayu di atas oleh peguamcara mereka Kanesalingam & Co. yang mempunyai alamat di 5th Floor, Wisma T.K.Tang, No.4, Jalan Yap Ah Loy, 50050 Kuala Lumpur.
Tel: 03 2070 2299 Fax: 03 2078 2845 [Ref: 9243s/ZA/2002] KS/APP

³ Apabila seseorang itu ingin menukar namanya pada kad pengenalan dia harus menyatakan sebab-sebab selain penukaran agama

DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
KES KHAS NO.: /2010

ANTARA

- 1. ZAINA ABDIN BIN HAMID @ S.MANIAM**
- 2. SURINDIRAN A/L ZAINA ABDIN**
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)
- 3. MOHANASUBASH A/L ZAINA ABDIN**
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)
- 4. CHANDRIKA A/P ZAINA ABDIN**
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)

PERAYU-PERAYU

DAN

- 1. KERAJAAN MALAYSIA**
- 2. KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
- 3. MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
- 4. MAJLIS PERUNDINGAN MALAYSIA UGAMA
BUDDHA, KRISTIAN, HINDU DAN SIKH**

RESPONDEN-RESPONDEN

(Dalam perkara Saman Pemula No. MT4-21-31-2002
di dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam

ANTARA

1. Zaina Abdin Bin Hamid @ S.Maniam
2. Surindiran A/L Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama sebagai ayah dan sahabat wakilnya)
3. Mohanasubash A/L Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama sebagai ayah dan sahabat wakilnya)
4. Chandrika A/P Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama sebagai ayah dan sahabat wakilnya)

PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

1. Kerajaan Malaysia
2. Kerajaan Negeri Selangor
3. Majlis Agama Islam Selangor
4. Majlis Perundingan Malaysia Ugama
Buddha, Kristian, Hindu Dan Sikh

DEFENDAN-DEFENDAN

yang diputuskan pada 27 haribulan September 2010)

SPECIAL CASE STATED UNDER SECTION 84 OF THE COURTS OF JUDICATURE ACT
1964

I, Yang Arif Hakim Datuk Nurchaya Haji Arshad, pursuant to section 84 of the Court of Judicature Act 1964 hereby certify the following case as a special case to be transmitted to the Federal Court in accordance with the rules of court of the Federal Court.

- A. The 1st Appellant is a Malaysian Indian, born to parents both of whom were also Malaysian Indians but shown in their identity documents as Muslim. The 1st Appellant says that throughout his formative years, his parents followed a Hindu way of life and brought him up as a Hindu.
- B. The 1st Appellant by a Deed Poll dated 16.03.1973 (gazetted by G.N. No. 1686 of 1973 dated 24 May 1973) adopted a new, Hindu, name.
- C. The 1st Appellant is the natural and lawful father of the 2nd to 4th Appellants, who at the time the Originating Summons was filed were all under the age of majority. The marriage of the 1st Appellant to his Hindu wife, the mother of the 2nd to 4th Appellants, was registered under the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976.
- D. The 1st to 3rd Respondents (the Government of Malaysia, the Government of Selangor and the Majlis Agama Islam Selangor) contest this application.
- E. They contend that the Islamic law made by the Selangor State Legislative Assembly (and other State legislation on Islamic law in other States in Malaysia, which are all *in pari materia*) are still applicable to the Appellants because the Appellants have not obtained an order from the syariah courts giving them permission to "leave" Islam.
- F. An application by the Respondents to strike out the Originating Summons herein under Order 18 rule 19 of the Rules of the High Court 1980 as being an abuse of process because the matters raised herein were within the jurisdiction of the Syariah court was dismissed by the Court of Appeal on 25th June 2009 in Civil

Appeal No. B-01-90-2004 with the action remitted to this Court for determination on its merits.

- G. The Originating Summons and other relevant documents are set out in the Record annexed herewith.

I hereby certify the following questions of law for determination by the Federal Court pursuant to section 84 of the Courts of Judicature Act 1964 in order to assist me to determine the Originating Summons:

1. Are the following paragraphs containing definitions of "a Muslim" in section 2 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 inconsistent with Article 11 (read with Articles 3, 5, 8, 153 and Item 1, List II, 9th Schedule) of the Federal Constitution:
 - 1.1. paragraphs (b), (c), (e) and (f)¹, and
 - 1.2. paragraph (d) read together with section 113²?
2. Do the parents of a child under the age of 18 have the right to determine the religion of that child for all public and private purposes pursuant to Article 11 and 12(4) of the Federal Constitution?
3. Is the application of Islamic law on a person who professes himself to be a Hindu but is considered a Muslim under Islamic law inconsistent with Article 11 (read with Articles 3, 5, 8, 153 and Item 1, List II, 9th Schedule) of the Federal Constitution?
4. Does the condition that a person must first get a declaration from the State Religious Council ("Majlis Agama Islam") or the Syariah Court that he or she is no longer "a Muslim" before he or she is recognised by the relevant authorities as a person who does not profess Islam render his or her rights under Article 11 (read together with Articles 5, 8, 153 and Item 1, List II, 9th Schedule) of the Federal Constitution illusory and therefore unconstitutional?

¹ Paragraph (b) provides that a person is a Muslim if either or both of his parents are Muslim at the time of his birth, Paragraph (c) provides that a person is a Muslim if his upbringing is conducted as if he were a Muslim, Paragraph (e) provides that a person is Muslim if he is commonly reputed to be a Muslim and paragraph (f) provides that a person is Muslim if he state in circumstances where he is required by law to be truthful that he is a Muslim

² Paragraph (d) provides that a person is a Muslim if he has converted to Islam, and s 113 says once he has so converted, he shall be treated as a Muslim for all time

5. Is regulation 14(2)³ of the *National Registration Regulations* 1990 inconsistent with Article 11 (read with Articles 3, 5, 8, 153 and Item 1, List II, 9th Schedule) of the Federal Constitution and is therefore unconstitutional?

Dated this 6th day of October 2010


Yang Arif Hakim Datuk Nurchaya
Haji Arshad
Judge of the High Court of Malaya

This Special Case stated under Section 84 of The Courts of Judicature Act 1964 is filed on behalf of the Appellants named above by their solicitors Kanesalingam & Co. whose address for service is at 5th Floor, Wisma T.K.Tang, No.4, Jalan Yap Ah Loy, 50050 Kuala Lumpur.
Tel: 03 2070 2299 Fax: 03 2078 2845 [Ref: 9243s/ZA/2002] KS/APP

³ Where a person changing his name on his identity card must state the reason other than a change of religion